

# Mangsa, saksi usah gentar ugutan ceti haram

**S**ERDANG: "Jangan takut dengan mereka dan tolong bekerjasama sepenuhnya dengan polis untuk membantu siasatan," kata Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar.

Beliau mengulas tindakan segelintir saksi dan mangsa yang berubah fikiran secara tiba-tiba dan enggan memberi keterangan berhubung kes along yang bertindak kejam mengurung serta merantai peminjam seperti binatang di Taman Perindustrian, Sri Kembangan, dekat sini, hujung bulan lalu.

Menurut Khalid, tindakan seumpama itu dianggap membantutkan proses siasatan sekali gus menyukarkan pihaknya untuk membawa suspek ke muka pengadilan.

"Kami agak terkejut dan pelik apabila ada antara mereka (saksi dan mangsa) yang enggan memberikan kerjasama terutama merokod keterangan berhubung kes terbabit.

"Mereka tidak perlu takut sekiranya diganggu atau diugut along kerana polis akan sentiasa mengawasi dan mengutamakan keselamatan mereka secara menyeluruh.

"Sekiranya along didapati berbuat demikian, kami tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan



**KHALID...beri jaminan keselamatan**

undang-undang terhadap mereka," katanya ketika ditemui pada Majlis Tamat Latihan Kor Suksis Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya mahu mereka tampil sendiri memberi keterangan kepada polis tanpa sebarang paksaan daripada mana-mana pihak.

"Kami masih memberi peluang dan tidak mahu mengambil tindakan mengikut Seksyen 111 Kanun Acara Jenayah untuk memaksa mereka berbuat demikian.

"Kes itu perlu segera diselesaikan kerana kami tidak mahu along terus bermaharajalela di negara ini," katanya.